

Berita

*Kasih sayang seorang ibu tiada kesudahannya, bahkan kasih sayang seorang ibu itu sepanjang masa. Penat lelah membesarkan anak, pengorbanan dan perjuangannya demi mengasuh, mendidik dan menjadikan anak insan yang mulia, memang tidak boleh diganti dengan wang ringgit. Sebagai sebahagian daripada sambutan Hari Ibu yang jatuh pada hari ini, wartawan **SHAHIDA SARHID** (sshahida@sph.com.sg) dan **NATASHA MUSTAFA** (nmustafa@sph.com.sg) mengetengahkan kisah pengorbanan, kemuliaan, dan sikap tidak mementingkan diri sendiri yang ditonjolkan tiga wanita yang bergelar ibu.*

IBU... IBU...

Tinjauan: Sekitar 60% ibu akur tertekan sepanjang pemutus litar

SEKITAR 60 peratus para ibu yang ditinjau berkata mereka tertekan sepanjang tempoh pemutus rantaian jangkitan ini.

Menurut satu tinjauan yang dijalankan badan Focus on the Family Singapore, yang melibatkan lebih 1,000 ibu, sekitar 60 peratus responden menyifatkan paras tekanan mereka di tahap skala 7, dengan angka 10 merupakan amat tertekan.

Ini berbanding dengan 52 peratus tinjauan yang sama dilakukan pada tahun lalu.

Antara keprihatinan yang diketengahkan para ibu semasa tempoh pemutus litar ini termasuk keselamatan dan kesihatan keluarga, menguruskan anak-anak di rumah bagi tempoh yang lebih lama serta menguruskan kerja dan tanggungjawab di rumah.

Tinjauan itu juga mendapati bahawa para ibu mungkin berdepan dengan risiko kesihatan mental dan emosi dengan lebih 6 daripada 10 ibu hanya tidur secara purata 6 jam atau kurang.

Dalam pada itu, 3 daripada 10 ibu juga menyatakan sebahagian besarnya mereka berasa sedih.

Ketua Pegawai Eksekutif Focus on the Family Singapore, Cik Joanna Koh-Hoe, berkata semua pihak boleh memainkan peranan untuk menyokong dan menggalak para ibu semasa tempoh-tempoh mencabar sekarang.

"Dalam masa-masa sukar sekarang apa yang ibu perlu ialah masa untuk diri mereka sendiri, dan ini boleh dilakukan menerusi penjagaan peribadi, sokongan emosi dan bantuan praktikal.

"Semua ini boleh membantu para ibu terus bertahan semasa tempoh pemutus litar ini," katanya.

Lantaran itu, sehingga 11 Mei ini, badan itu mengadakan kempen secara dalam talian untuk membantu para ibu memproses pemikiran dan emosi mereka selain mencari peluang berchat semasa tempoh ini.

Badan itu juga akan menyediakan jurulatih keluarga dan kaunselor profesional yang akan menyumbang masa untuk menawarkan konsultasi susulan bagi ibu-ibu yang memerlukan keperluan mesdak ekoran penularan wabak Covid-19.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang kempen ini anda boleh melonguri www.family.org.sg/MothersDay



HARGAI JASA IBU: Sebagai seorang jururawat Cik Nadiah Husen sekarang memahami cabaran serta segala pengorbanan ibunya, Cik Maznah Marmin, yang juga seorang jururawat. – Foto ihsan NADIAH NADIRAH HUSEN

Ibu jururawat... jadi inspirasi bagi si anak ikut jejak kerjaya

SEMASA kecil, Cik Nadiah Nadirah Husen dan adik lelakinya sering melihat ibu mereka "beraksi" sebagai jururawat di wad.

Tanpa disedari, Cik Nadiah kini mengikuti jejak ibunya, Cik Maznah Marmin, sebagai jururawat kakitangan di bilik bedah di Hospital Besar Ng Teng Fong (NTFGH).

Walaupun mereka bekerja di hospital yang sama, dua beranak itu bagaimanapun belum dapat bertemu sejak pemutus litar dilaksanakan pada 7 April lalu.

Apabila dihubungi *Berita Minggu*, Cik Nadiah, 26 tahun, berkongsi bahawa beliau sedih tidak dapat meluangkan masa bersama ibunya semasa Ramadan, apatah lagi sempena Hari Ibu.

"Selalunya saya akan ke rumah ibu untuk berbuka puasa bersama tetapi disebabkan sekarang saya tinggal bersama menantu saya, kita tidak dapat berbuka bersamanya tahun ini ekoran sokatan pemutus litar yang tidak membenarkan pergaulan anggota keluarga yang tinggal di rumah yang berlainan," kata beliau, sambil menambah bahawa ia sesuatu yang perlu dipertih deni mengelakkan diri daripada jangkitan koronavirus Covid-19.

Mengongsi perjalanannya menjadi jururawat, Cik Nadiah berkata beliau mendapat inspirasi daripada ibunya untuk mencubai bidang ini.

"Sebenarnya saya ingat lagi masih kecil, saya bersama ayah selalu menjemput ibu saya dari hospital setelah tamat bekerja dan juga berjalan di wad bersama beliau bekerja."

"Saya pada awalnya bercita-cita mahu menjadi seorang doktor. Tetapi selepas melihat pengorbanan ibu saya sepanjang menjalankan tugasanya, saya terdorong pula menjadi seorang jururawat agar dapat 'menyentuh' kehidupan orang lain," kata Cik Nadiah.

Kini setelah enam tahun sebagai jururawat, beliau serasi dengan kerjayanya itu kerana setiap hari tugasanya menawarkan pelbagai cabaran.

Sementara itu, ibunya, Cik Maznah, yang telah berkhidmat sebagai jururawat sejak 1994 dan kini merupakan Penolong Klinik Jururawat, Perkhidmatan Klinikal Kejururawatan, turut melahirkan rasa bangga atas pencapaian anaknya.

Walaupun Cik Maznah tidak dapat meluangkan banyak masa berasama anaknya ketika mereka masih kecil kerana bekerja sepenuh masa, beliau gembira me-

lihat Cik Nadiah membesar dengan baik dan kini menyumbang semula kepada masyarakat.

"Inilah sebabnya saya membawa mereka ke wad ketika saya bekerja. Ia merupakan pendedahan kepada mereka untuk menanamkan sifat kesabaran, tidak perlu bergantung kepada orang lain dan saling hormat terutamanya apabila mereka melihat saya mengendali pesakit," katanya.

Semasa panggilan video itu, mereka berdua berkongsi bahawa mereka merindui antara satu sama lain.

"Sebagai seorang jururawat sekarang, saya memahami cabaran yang ibu saya alami dulu... inilah yang membuat saya lebih menghormati beliau."

"Sempena Hari Ibu ini saya ingin mengucapkan terima kasih atas usahanya mengajarkan saya sifat-sifat yang baik dan berharap beliau bangga dengan pencapaian saya setakat ini," kata Cik Nadiah.

Memandangkan beliau sendiri akan menjadi ibu tidak lama lagi, Cik Nadiah berharap penularan Covid-19 akan dapat dijangkiti segera.

"Ini kali pertama saya mengandung. Biasanya mereka yang hamil selalu ada ramai orang di sekeliling mereka untuk memberi dorongan, terutama sokongan dari-

pada ibu mereka. Tetapi disebabkan keadaan kini, saya tidak dapat merasa semua itu," katanya.

Cik Maznah pula menambah sebagai ibu beliau rasa terasing sepanjang tempoh anaknya mengandung.

"Ini bakal cucu pertama saya! Jadi sebagai ibu, saya ingin tahu juga bagaimana keadaan anak saya dan cucu saya."

"Bukan itu saja, kerana tidak dapat berjumpa, saya tidak melihat peruntukannya. Tetapi saya cuba sedaya upaya membantu anak perempuan saya ketika beliau memerlukannya. Ini termasuk memasakkannya makanan yang beliau inginkan," seloroh beliau yang berusia 56 tahun.

Menurut Cik Maznah, baru-baru ini, anaknya itu mengidam masakan sambal telur puyuh dan telah meminta beliau memasaknya.

Setelah memasaknya, beliau menghantar makanan itu ke rumah besannya dan memanggalkan bungkusannya di depan pintu deni menjaga jarak selamat.

"Saya berharap keadaan akan semakin baik dan apabila cucu saya dilahirkan, saya dapat bertemu semula dengan anak dan cucu saya," ujar Cik Maznah mengenai harapannya sempena Hari Ibu yang jatuh pada hari ini.